

03 MAR 2001

Ong-Landskap

HARI LANDSKAP NEGARA DITETAPKAN PADA 3 MAC MULAI TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Hari Landskap Negara akan disambut pada 3 Mac setiap tahun mulai tahun ini, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting.

Katanya, bagi tahun ini upacara rasmi sambutan itu akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara besar-besaran di Dataran Putra, Putrajaya, esok.

"Perdana Menteri akan menyampaikan anugerah kepada pemenang pertandingan landskap peringkat negeri dan sektor swasta esok," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen "Cintailah Landskap Kita" sempena Hari Landskap Negara di Taman Kejiranan Damansara Jaya di sini hari ini.

Taman Kejiranan SS 22/36 Damansara Jaya merupakan taman awam yang telah dinaiktarafkan di bawah program Naik Taraf Taman Awam, Jabatan Landskap Negara.

Program itu menyediakan beberapa elemen taman seperti laluan refleksologi, sistem laluan siar kaki dan gelanggang serbaguna serta penanaman hampir 200 pokok teduhan.

Menurut Ong tema "Cintailah Landskap Kita" dipilih tahun ini bagi mengingatkan rakyat Malaysia pentingnya menghargai landskap dan alam semulajadi yang indah dan cantik.

Katanya, dengan adanya perasaan mencintai keindahan landskap dan alam semulajadi, semua pihak akan lebih perihatin dan bersungguh-sungguh menjaga sumber landskap negara.

Menjawab soalan pemberita, beliau melahirkan rasa puashati dengan komitmen kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan yang bersungguh-sungguh menghidupkan alam sekitar dengan menanam pokok-pokok di lokasi yang sesuai.

"Sekarang kita harap rakyat juga berusaha menghidupkan kawasan tempat tinggal masing-masing," katanya.

Beliau menolak anggapan orang ramai bahawa Taman Kejiranan Damansara Jaya itu dipilih sebagai lokasi pelancaran Hari Landskap Negara hari ini kerana taman itu dekat dengan rumahnya.

"Kebetulan saya tinggal tidak jauh dari taman ini. Kalau tak dihiraukan (taman) nanti orang kata pula. Kalau taman ini tak dijadikan contoh, macam mana saya nak yakinkan orang lain supaya cintai taman dan landskap kita," katanya.

--BERNAMA

NZ ZS ZB